

KEMPEN “Win Cash with MyPB App!” TERMA DAN SYARAT

Kempen “Win Cash with MyPB App!” (“**Kempen**”) dilancarkan oleh Public Bank Berhad (No. Pendaftaran Syarikat 196501000672 (6463-H)) (“**PBB**”). Terma dan Syarat di bawah (“Terma dan Syarat”) akan mengawal Kempen ini.

1. Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari 01 Februari 2024 hingga 31 Mac 2024, termasuk kedua-dua tarikh atau tarikh lain seperti yang ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa (“**Tempoh Kempen**”).

2. Kelayakan Kempen

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu PBB dan Public Islamic Bank Berhad (No. Pendaftaran Syarikat 197301001433 (14328-V)) (“**PIBB**”) yang berumur 18 tahun dan ke atas yang mempunyai akses kepada aplikasi mudah alih MyPB (“MyPB”) (“**Pelanggan yang Layak**”).
- 2.2 Orang yang berikut **tidak** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini: -
 - a) kakitangan Kumpulan Public Bank;
 - b) pelanggan yang akaunnya telah ditutup, ditamatkan atau digantung sebelum apa-apa hadiah diberikan;
 - c) pelanggan yang akaunnya dipegang dengan PBB dan/atau PIBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditetapkan oleh PBB dan/atau PIBB;
 - d) pelanggan yang tidak waras;
 - e) pelanggan yang diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa juga bentuk terhadap mereka; dan
 - f) pelanggan bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan.

3. Mekanisme Kempen

- 3.1 Takrifan: -
 - a) “DuitNow ID” merujuk pengenalan unik penerima seperti nombor telefon mudah alih atau nombor kad pengenalan yang telah didaftarkan dan dirangkaikan kepada akaun penerima.
 - b) “Pindahan DuitNow (Bayar Kepada Akaun) (*Pay-to-Account*)” merujuk urusan niaga kepada penerima lain melalui nombor akaun.

- c) “Pindahan DuitNow (Bayar Kepada Proksi) (*Pay-to-Proxy*)” merujuk urusan niaga kepada penerima lain melalui DuitNow ID.
- d) “DuitNow QR” merujuk perkhidmatan yang memudahkan bayaran atau pindahan kredit yang merata-rata di seluruh industri dengan mengimbas Kod QR yang mematuhi Piawaian Kod QR Kebangsaan DuitNow atau mana-mana kod QR lain yang disokong oleh Pemilik dan Pengendali DuitNow QR termasuk QR Rentas Sempadan.
- e) “Pembayaran Bil” merujuk bil, invois, notis, notis pembaharuan, borang dan/atau tuntutan bayaran yang diterima oleh pemegang akaun daripada Perbadanan Penerima Bayaran/Pengebil yang perlu dibayar dalam tempoh yang ditetapkan dalam dokumen berkenaan.
- f) “JomPAY” merujuk skim bayaran bil kebangsaan yang membolehkan pelanggan untuk membayar bil dengan mudah dan selamat melalui platform perbankan internet.
- g) “Tambah Nilai Prabayar” merujuk perkhidmatan bayaran yang membenarkan pelanggan membeli tambah nilai prabayar daripada penyedia perkhidmatan melalui MyPB.
- h) “Kumpulan Public Bank” merujuk PBB, subsidiari PBB dan syarikat yang berkaitan dengan PBB.

Hadiah Tunai

- 3.2 Pelanggan yang Layak dikehendaki memenuhi **KESEMUA** kriteria yang berikut semasa Tempoh Kempen bagi memperoleh satu (1) penyertaan untuk berpeluang memenangi hadiah tunai sebanyak RM25.00 (“Hadiah Tunai”):
- a) daftar atau log masuk dalam MyPB semasa Tempoh Kempen; dan
 - b) buat apa-apa urusan niaga dengan akaun sebanyak RM50.00 melalui aplikasi mudah alih MyPB melalui perkhidmatan yang berikut (“Urus niaga yang Layak”) :
 - a. Pindahan DuitNow (Bayar Kepada Akaun)
 - b. Pindahan DuitNow (Bayar Kepada Proksi)
 - c. DuitNow QR
 - d. Pembayaran Bil
 - e. JomPAY
 - f. Tambah Nilai Prabayar

Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pindahan atau bayaran melalui Pindahan DuitNow (Bayar Kepada Akaun) / (Bayar Kepada Proksi) / DuitNow QR kepada akaun Pelanggan yang Layak itu sendiri atau akaun bersama yang dipegang dengan PBB, PIBB dan/atau mana-mana bank atau penyedia perkhidmatan e-Dompot /

e-wang seperti Touch' n Go eWallet oleh TNG Digital Sdn Bhd tidak akan dianggap sebagai Urus niaga yang Layak.

Untuk Pembayaran Bil dan JomPAY, Pelanggan yang Layak tidak dibenarkan membuat bayaran yang dibahagikan untuk apa-apa bil/invois. Urus niaga yang dibahagikan tersebut tidak akan dikira atau tidak dianggap sebagai Urus niaga yang Layak.

3.3 Sejumlah 10,000 pemenang akan dipilih untuk memenangi Hadiah Tunai di bawah Kempen ini.

3.4 Pada akhir Tempoh Kempen, semua penyertaan di bawah Kempen ini akan disenaraikan dan disusun berdasarkan tarikh dan waktu Urus niaga yang Layak dalam susunan menaik. Jumlah bilangan penyertaan kemudiannya akan dibahagikan dengan 10,000 (bagi tujuan menyenaraipendekkan 10,000 pemenang) dan hasilnya akan dibundarkan ke bawah kepada nombor genap terdekat.

Misalnya, sekiranya bilangan penyertaan di bawah Kempen ini ialah 1,500,000, jumlah bilangan penyertaan itu kemudiannya akan dibahagikan dengan 10,000. Pemenang pertama yang disenaraipendekkan ialah penyertaan di tempat ke-150, pemenang kedua yang disenaraipendekkan ialah penyertaan di tempat ke-300 dan seterusnya sehingga kesemua 10,000 pemenang dipilih.

3.5 Setiap Pelanggan yang Layak hanya layak untuk memenangi satu (1) Hadiah Tunai sepanjang Tempoh Kempen.

Sekiranya Peserta yang Layak telah dipilih sebagai pemenang Hadiah Tunai bagi mana-mana penyertaannya yang lebih awal, penyertaan beliau yang berikutnya tidak akan melayakkannya untuk Hadiah Tunai tanpa mengambil kira kedudukan penyertaan itu, dan penyertaan di tempat berikutnya dalam senarai berkenaan akan disenaraipendekkan sebagai pemenang.

3.6 Hadiah Tunai akan dikreditkan dalam akaun Peserta yang Layak yang berjaya yang dipegang dengan PBB dan/atau PIBB dalam bulan berikutnya selepas akhir Tempoh Kempen.

3.7 PBB berhak untuk:-

a) menarik balik Hadiah Tunai sekiranya:

(i) akaun Pelanggan yang Layak yang berjaya ditamatkan, digantung atau ditutup; atau

(ii) akaun Pelanggan yang Layak yang berjaya adalah dormant

sebelum Hadiah Tunai dikreditkan dalam akaun Pelanggan yang Layak yang berjaya; atau

- b) menarik balik Hadiah Tunai sekiranya Terma dan Syarat ini, terma dan syarat yang mengawal akaun deposit / kad kredit / kad kredit-i Pelanggan yang Layak, terma dan syarat yang mengawal MyPB dan mana-mana terma dan syarat yang mengawal perkhidmatan yang digunakan oleh Pelanggan yang Layak bagi tujuan Kempen ini tidak dipatuhi.

3.8 Hadiah Tunai yang diberi tidak boleh dipindah milik kepada pihak lain dan tidak boleh ditukar untuk barang lain atau kredit, sama ada sebahagiannya atau sepenuhnya.

4. Terma dan Syarat Am

- 4.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini, terma dan syarat yang mengawal akaun deposit / kad kredit / kad kredit-i Pelanggan yang Layak, terma dan syarat yang mengawal MyPB dan mana-mana terma dan syarat yang mengawal perkhidmatan yang digunakan oleh Pelanggan yang Layak (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan semula terma dan syarat berkenaan) untuk tujuan Kempen ini. Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan terma dan syarat yang mengawal akaun deposit / kad kredit / kad kredit-i Pelanggan, terma dan syarat yang mengawal MyPB dan mana-mana terma dan syarat yang mengawal perkhidmatan yang digunakan oleh Pelanggan yang Layak, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.
- 4.2 Pelanggan yang Layak bersetuju dan memberi keizinan kepada PBB dan/atau PIBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan semua maklumat mereka bagi tujuan Kempen ini.
- 4.3 Pelanggan yang Layak bersetuju dan memberi keizinan kepada PBB dan/atau PIBB untuk memuat naik butiran mereka seperti nama pada laman web dan media sosial PBB.
- 4.4 Apa-apa prop, aksesori atau peralatan yang ditunjukkan bersama-sama dengan Hadiah Tunai dalam semua bahan bercetak, laman web, aplikasi perbankan mudah alih, platform media sosial atau di cawangan PBB dan/atau PIBB hanyalah untuk tujuan hiasan dan bukan merupakan sebahagian daripada Hadiah Tunai.
- 4.5 Pelanggan yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan/atau PIBB dan keputusan PBB dan/atau PIBB berkaitan dengan semua perkara mengenai Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas Pelanggan yang Layak. PBB dan/atau PIBB tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Pelanggan yang Layak dan/atau pihak ketiga mengenai apa-apa perkara berkaitan dengan Kempen ini.

- 4.6 PBB dan/atau PIBB tidak akan dipertanggungjawabkan mahupun menerima apa-apa liabiliti dalam apa juga bentuk dan apa sekalipun yang timbul atau dialami oleh Pelanggan yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen dan/atau Hadiah Tunai ini kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh PBB dan/atau PIBB secara khusus berkaitan dengan Kempen ini.
- 4.7 PBB dan/atau PIBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini yang disiarkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
- 4.8 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB dan/atau PIBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, jaminan atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa pengedaran kepada apa-apa yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk sesuatu tujuan berkaitan dengan Kempen ini dan/atau Hadiah Tunai di bawah Kempen ini.
- 4.9 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB dan/atau PIBB tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan atau penangguhan dalam transmisi apa-apa urusan niaga yang dijalankan melalui MyPB yang dikesan oleh sistem PBB dan/atau PIBB, yang mungkin menyebabkan Pelanggan yang Layak terkeluar daripada proses pemilihan semasa Tempoh Kempen.
- 4.10 PBB dan PIBB berhak:-
- a) untuk membuat penambahan, memotong atau mengubah Terma dan Syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB dan/atau PIBB, meletakkan notis di cawangan PBB dan/atau PIBB atau apa-apa cara lain seperti yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa dan terma dan syarat yang dipinda itu akan diterima pakai berbanding dengan apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam bahan promosi lain untuk pengiklanan Kempen ini; dan
 - b) untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini sebelum Kempen ini tamat, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, lanjutan, penamatan atau penggantungan Kempen ini tidak akan melayakkan Pelanggan yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB dan/atau PIBB bagi mana-mana dan kesemua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau

dialami oleh Pelanggan yang Layak sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut.

- 4.11 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan apa-apa bahan pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai.
- 4.12 Terma dan Syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.
- 4.13 Pelanggan yang Layak boleh membaca Notis Privasi PBB dan/atau PIBB yang menyatakan bagaimana PBB dan/atau PIBB menggunakan maklumat Pelanggan yang Layak melalui laman web PBB dan/atau PIBB atau di mana-mana cawangan PBB dan/atau PIBB.
- 4.14 Pelanggan yang Layak diingatkan agar membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum mengambil bahagian dalam Kempen ini. Sekiranya terdapat apa-apa terma yang tidak difahami oleh Pelanggan yang Layak, Pelanggan yang Layak dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat bebas dan berbincang lebih lanjut dengan wakil PBB dan/atau PIBB.